
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

RPK 332 – Rekabentuk Bandar

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LAPAN** soalan sahaja. **EMPAT (4)** dari **Bahagian A** dan **EMAPT (4)** dari **Bahagian B**.

...2/-

- 2 -

BAHAGIAN A

1. Gariskan **5 (lima)** faktor utama yang yang perlu diambil perhatian oleh pemaju swasta di dalam pembangunan projek mereka.
(5 markah)

2. Bincangkan ciri-ciri bandar pelancongan . Berikan contoh yang sesuai
(5 markah)

3. Berikan 3 (tiga) elemen utama perancangan bandar yang mencorakkan susunatur dan rekabentuk bandar .
(5 markah)

4. Berikut adalah antara isu-isu pembentukan bandar pada abad ke 21 ini, khususnya di kawasan pesat membangun dan mengalami pertumbuhan ekonomi. Pilih **2 (dua)** isu tersebut dibawah untuk perbincangan.
 - (a) Kawasan-kawasan penempatan tradisional sebagai kawasan kritikal.
 - (b) Pusat bandar mengalami peningkatan nilai tanah yang amat ketara.
 - (c) Tekanan terhadap kawasan pertanian sebagai kawasan bandar baru.
 - (d) Pembangunan semula bandar sebagai kaedah mudah mengatasi kesesakan bandar.
(5 markah)

5. Nyatakan **3 (tiga)** kualiti yang patut wujud dalam rekabentuk bandar.
(5 markah)

6. Secara geografi, terdapat tiga jenis skala rekabentuk bandar. Dengan bantuan rajah, huraikan setiap skala tersebut.
(5 markah)

....3/-

BAHAGIAN B

5. (a) Pemaju-pemaju swasta di Malaysia telah membantu mewujudkan bandar-bandar baru bermula semenjak lepas kemerdekaan sehingga kini. Bincangkan **secara ringkas** kaedah merekabentuk bandar-bandar berkenaan dari peringkat pengesanan tanah sehingga bandar berkenaan terbentuk.

(15 markah)

- (b) Apakah objektif sesuatu bandar dibentuk dari perspektif pemaju swasta ?

(5 markah)

6. Bincangkan perbezaan dari perspektif susunan gunatanah, rekabentuk bangunan, aktiviti penduduk, dan sistem lalulintas bagi bandar-bandar di Malaysia dan Asia Tenggara. Berikan contoh yang relevan di dalam perbincangan tersebut.

(20 markah)

7. Disebalik kritikan, konsep model Utopia tidak tamat sepertimana yang dipercayai. Ide untuk memperbaiki konsep ini berlanjutan sehingga ke perancangan Pembangunan Bandar Mega samada di Barat mahupun di negara Asia. Dengan mengemukakan **2 contoh** terbaru Pembangunan dan Perancangan Bandar Baru bincangkan konsep dan prinsip-prinsip Utopia.

(20 markah)

8. (a) Bincangkan bagaimana **pengezonan (zoning)** digunakan sebagai salah satu kaedah untuk mengawal pembangunan dan rekabentuk Bandar.

(10 markah)

- (b) Terdapat beberapa asas susunan geometri rekabentuk bandar. Huraikan setiap satu.

(10 markah)

....4/-

- 4 -

9. (a) Sediakan satu lakaran rajah konsep perletakan "Bandar Baru" (BB) dengan "Bandar Sedia Ada" (BSA), seperti yang dicadangkan oleh Sir Ebenser Howard. Bincangkan faktor jarak yang efisien perletakan antara BB dengan BSA. Nyatakan kebaikan (aspek positif) tinggal di BB seperti yang dinyatakan oleh Sir Ebenser Howard dalam diagram "*The Three Magnets*".

(15 markah)

- (b) Lakarkan satu model pelan induk "*castrum*" utama dalam Empayar Romawi. Bincangkan kaitannya dengan "*Cardo dan Decumanus*", lokasi bangunan pentadbiran, teater, "*agora*" dan perumahan serta sistem hak milik tanah, perparitan, bekalan air dan jalanraya di bandar ini.

(5 markah)

10. Lakarkan pelan induk Bandar kolonial Georgetown, Pulau Pinang. Bincangkan bagaimana pelan induk berpetak grid informal ini terhasil berlandaskan sistem penempatan "pecah dan perintah" ("*divide and rule*") yang diamalkan oleh Pentadbiran British. Sila nyatakan zon 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 dalam lakaran dan perbincangan anda. Zon-zon ini digunakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam pencalonan George Town untuk "Senarai Warisan Dunia UNESSCO".

(20 markah)

- 000 O 000 -